

## GARIS PANDUAN ORANG ISLAM TURUT MERAYAKAN HARI KEBESARAN AGAMA ORANG BUKAN ISLAM

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-68  
12 April 2005

### TUJUAN

1. Garis Panduan ini disediakan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada masyarakat Islam dalam menyertai majlis perayaan orang bukan Islam supaya tidak berlaku perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Garis Panduan ini juga menjadi asas rujukan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dalam menganjur majlis perayaan orang bukan Islam bersama dengan orang Islam supaya tidak berlaku perbuatan *syubhat* atau acara yang bercanggah dengan prinsip dan nilai-nilai Islam.

### PENDAHULUAN

1. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengadakan majlis-majlis perayaan sama ada di peringkat nasional, negeri, daerah dan lain-lain. Perayaan tersebut adalah Hari Raya Aidulfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pesta Keamatan, Hari Gawai dan juga Hari Krismas. Ia disambut melalui konsep penganjuran "rumah terbuka nasional" bertujuan meningkatkan persefahaman dan sikap toleransi di kalangan masyarakat pelbagai kaum serta fahaman agama di negara ini.
2. Persoalan timbul di kalangan masyarakat Islam tentang apakah hukum turut merayakan perayaan agama lain. Ada pendapat yang mengatakan hukum merayakan hari perayaan agama lain adalah haram. Mereka bimbang perbuatan tersebut boleh menjejaskan akidah atau secara tidak langsung akan membawa pemahaman bahawa semua agama adalah sama.

3. Dalam mengatur hubungan antarabangsa, kaum dan agama di negara ini agar tidak menimbulkan kekeliruan dan prasangka dalam pergaulan khususnya bagi umat Islam, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam dalam Muzakarahnya pada 1 dan 2 Oktober 1970 yang secara khusus menyentuh mengenai rumah ibadat dan telah memutuskan;

**“Pembesar-pembesar Islam tidak boleh merasmikan pembukaan rumah-rumah ibadat orang-orang bukan Islam kecuali difikirkan kalau tidak berbuat demikian akan mendatangkan perpecahan dan permusuhan kaum dengan syarat tidak menyertai upacara ibadat dengan mereka ”**

4. Pada dasarnya terdapat dua pandangan berbeza dari sudut hukum tentang orang Islam turut merayakan hari perayaan orang bukan Islam. Pandangan yang membenarkan orang Islam merayakan hari perayaan orang bukan Islam adalah berdasarkan pandangan berikut;

- i. Kekeliruan dari sudut hukum tentang merayakan hari perayaan agama lain atau dalam konteks masa kini “rumah terbuka nasional ” adalah berpunca daripada fahaman yang kurang jelas terhadap maksud merayakan atau mengucapkan ucapan selamat hari kebesaran kaum lain itu. Jika maksud merayakan itu adalah ikut serta berhari raya, merelai kekufuran orang bukan Islam dan bermuamalah dengan mereka atas nama agama mereka ia adalah bercanggah dengan ajaran Islam.  
Sebaliknya jika merayakan hari perayaan kaum lain sekadar hanya ikut bercuti pada hari itu atau menyertai perayaan mereka atas tujuan merapatkan perhubungan sesama manusia maka ia adalah di luar daripada konteks meraikan akidah mereka atau merelakan agama mereka (Hukum Merayakan Perayaan Kaum-kaum Bukan Islam, Dr. Abdul Hayei bin Syukor, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- ii. Menurut Dr. Ahmad al-Syarbashi, seseorang Islam yang turut menyertai hari perayaan orang bukan Islam setelah memastikan majlis yang dihadiri itu tidak mengandungi perbuatan yang bercanggah dengan akidah atau upacara yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti penyajian arak dan sebagainya (Dr Ahmad

*al-Syarbashi, Yas`alunaka Fid Din Walhayah*, hal 390, jilid 4, Darul Jail, Beirut).

5. Hukum yang melarang orang Islam turut merayakan perayaan orang bukan Islam berdasarkan pandangan berikut:
  - i. Abu al-Qasim Hibbatullah bin Al-Hussain bin Mansur al-Tabari berkata tidak harus bagi orang Islam menghadiri perayaan orang bukan Islam kerana kemungkaran mereka (Ibn Qayyim Al-Jauziyah, *Ahkam Ahl al-Zimmah*, jilid 1, hal 156, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut).
  - ii. Menurut Fatwa Lajnah Daaimah, kunjungan terhadap perayaan orang bukan Islam tidak boleh dilakukan kerana ia akan melibatkan orang yang melakukannya kepada dosa (al-Syeikh Ahmad bin Abdul Razak, *Fatawa al-Lujnah al-Da`imah lil Buluth al-Ilmiah wal Ifta`*, jilid 3, hal 436, Dar al-Muaiyyad, Riyadh).
6. Berdasarkan persoalan hukum tersebut maka pihak yang menganjurkan majlis tersebut perlu meneliti adakah perayaan yang dianjurkan mempunyai unsur agama atau semata-mata bercirikan kebudayaan. Kedua-dua unsur ini perlu diteliti dalam memastikan sambutan perayaan tersebut tidak menyinggung sensitiviti keagamaan terhadap orang awam yang menyertainya.

## TAKRIFAN

1. **Simbol**  
Maksud simbol dalam garis panduan ini adalah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain, lambang, tanda (Kamus Dewan).
2. **Ciri**  
Maksud ciri dalam garis panduan ini adalah sifat (unsur, tanda) yang khusus pada sesuatu (yang membezakannya dengan yang lain) (Kamus Dewan).

3. **Tunduk**  
Maksud tunduk dalam garis panduan ini adalah kepala atau muka condong ke hadapan (Kamus Dewan).
4. **Upacara**  
Maksud upacara dalam garis panduan ini adalah majlis menurut adat (kebiasaan, agama), keramaian atau peralatan (menurut adat) (Kamus Dewan).
5. **Budaya**  
Maksud budaya dalam garis panduan ini adalah tamadun, peradaban, cara berkelakuan (berfikir dsb), kemajuan (akal budi), kebudayaan (Kamus Dewan).
6. **Dakyah**  
Maksud dakyah dalam garis panduan ini adalah penyiaran (penyebaran) sesuatu ideologi (doktrin, pendapat dsb) untuk mendapat sokongan, propaganda (Kamus Dewan).
7. **Mempersenda**  
Maksud mempersenda dalam garis panduan ini adalah mempermainkan (dengan gurau senda), memperolok-olokkan, mengejekkan (Kamus Dewan).
8. **Sensitiviti**  
Maksud sensitiviti dalam garis panduan ini adalah perihal sifat mudah merasai sesuatu (mudah tersinggung, bergerak balas dsb. (Kamus Dewan).
9. **Kriteria**  
Maksud kriteria dalam garis panduan ini adalah beberapa ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai (Kamus Dewan).

## **KRITERIA PERAYAAN ORANG BUKAN ISLAM YANG BOLEH DIHADIRI OLEH ORANG ISLAM**

Dalam menentukan perayaan orang bukan Islam boleh dihadiri oleh orang Islam, beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut;

### **1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.**

Maksud “**bertentangan dengan akidah Islam**” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam. Contohnya;

- a) menyertakan simbol-simbol agama seperti salib, memasang lampu, lilin, pokok krismas dan sebagainya.
- b) menyanyikan lagu-lagu bercirikan agama.
- c) meletakkan apa-apa tanda bercirikan agama pada dahi, atau tanda-tanda lain pada anggota tubuh.
- d) memberikan ucapan atau isyarat yang berbentuk pujian kepada agama orang bukan Islam.
- e) tunduk atau melakukan perbuatan seolah-olah menghormati upacara agama orang bukan Islam.

### **2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak.**

Maksud “**bertentangan dengan syarak**” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam. Contohnya:

- a) Memakai pakaian berwarna merah seperti Santa Claus atau pakaian lain yang melambangkan agama;
- b) Menghidangkan minuman atau makanan yang memabukkan dan seumpamanya;
- c) Mengadakan bunyi-bunyian atau hiasan seperti loceng gereja, pokok krismas, kuil atau memecah kelapa;

d) Mengadakan acara yang berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya.

3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan **“perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam”** di negara ini.

Maksud **“bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam”** ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam Negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan ahli Sunnah wal Jamaah. Contohnya:

- a) Percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan;
- b) Berpakaian yang menjolok mata;
- c) Mendengarkan lagu-lagu yang mempunyai seni kata berunsur lucuh serta pemujaan;
- d) Mengadakan program seperti pertandingan ratu cantik, laga ayam dan sebagainya.

4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh **“menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.”**

Maksud **“menyentuh sensitiviti masyarakat Islam”** ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyingung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka. Contohnya:

- a) Ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakwah keagamaan bukan Islam;
- b) Ucapan-ucapan yang menghina umat Islam;
- c) Ucapan-ucapan yang menghina agama Islam;
- d) Persembahan yang bertujuan mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.

Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam.

## **PENUTUP**

Sekiranya terdapat keraguan atau ketidakjelasan dalam mentafsir dan melaksanakan Garis Panduan ini hendaklah merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Blok D7, Kompleks D, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

